



Headline: Pesara rugi RM16,900 ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 4 November 2019

Language: Malay
Section: Selangor & KL
Page: 31

Pesara rugi RM16,900 ditipu Macau Scam

KUANTAN - Seorang pesara sanggup menyerahkan wang simpanan berjumlah RM16,900 kononnya untuk membayar peguam selepas dituduh melakukan jenayah judi dalam talian empat hari lalu.

Bagaimanapun tindakan itu memakan diri apabila wang milik lelaki berusia 77 tahun itu lesap ditipu sindiket Macau Scam yang menyamar pegawai Telekom Malaysia (TM) dan polis.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa yang menetap di Kuala Lipis, Pahang menerima panggilan telefon daripada suspek yang memperkenalkan dirinya sebagai pegawai TM kira-kira jam 1.30 petang pada 30 Oktober lalu.

Menurutnya, menerusi panggilan itu suspek telah menyambung panggilan tersebut kepada seorang lagi suspek bagi tujuan semakan memandangkan mangsa tidak menerima sebarang bil

daripada pihak TM.

“Mangsa diberitahu bil telefonnya tertunggak dan telah disalahgunakan serta turut terlibat dengan kes judi haram online.

“Suspek meminta mangsa membuat laporan polis melaluinya dan selang beberapa minit kemudian panggilan telefon mangsa telah disambungkan kepada seorang pegawai (suspek ketiga) yang memperkenalkan diri sebagai pegawai polis,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd Wazir berkata, suspek itu kemudian meminta mangsa memasukkan wang sebanyak RM16,900 ke dalam akaun bagi pembayaran peguam.

“Mangsa kemudiannya cuba menghubungi suspek pada jam 2.30 petang hari yang sama tetapi gagal dan merasakan dirinya mungkin ditipu, mangsa membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lipis,” katanya.